

# Ismail Sabri akan dipanggil semula bantu lengkap siasatan

PM ke-9 beri keterangan selama lima jam ketika dipanggil SPRM minggu lalu

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dipanggil Suruhanjaya

SPRM akan panggil 8 individu bantu siasatan

*Keratan akhbar BH, semalam.*

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) minggu lalu bagi membantu siasatan berkaitan isu perbelanjaan dan perolehan dana bagi tujuan promosi dan publisiti ketika beliau menerajui negara.

Sumber memberitahu *BH*, Ahli

Parlimen Bera itu memberi keterangan selama lima jam selepas SPRM memperoleh maklumat baharu daripada hasil risikan yang dibuat.

Beliau berkata, hasil keterangan Ismail Sabri kemudian membawa kepada penahanan empat pegawai kanan beliau tiga hari selepas itu.

Bekas pegawai kannannya direman SPRM beberapa hari yang mana serbuan dan rampasan lebih RM100 juta wang



*Ismail Sabri Yaakob*

tunai dilakukan di sebuah kediaman.

Difahamkan Perdana Menteri ke-9 itu akan dipanggil semula oleh SPRM bagi melengkapkan siasatan kes berkenaan.

Sebelum ini, *BH* melaporkan dua individu bergelar Datuk antara empat bekas pegawai kanan Perdana Menteri ke-9 yang ditahan SPRM untuk memban-

tu siasatan lanjut terhadap beberapa kes yang dikaitkan dengan rasuah ketika era pentad-

biran negara diketuai Ismail Sabri.

Selain itu, seorang pegawai eksekutif sebuah yayasan dan seorang wanita yang juga pembantu kepada seorang pegawai khas terbabit turut ditahan oleh agensi antirasuah itu.

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata lapan individu akan dipanggil SPRM untuk dirakam keterangan berhubung siasatan ke atas empat pegawai kanan Ismail Sabri.

Lapan saksi itu akan dipanggil bagi membantu siasatan dalam tempoh terdekat.